

**TINJAUAN AWAL PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI  
(KBAT) DALAM BIDANG IBADAT PENDIDIKAN ISLAM KSSM**

***PRELIMINARY REVIEW OF THE IMPLEMENTATION OF HIGHER ORDER  
THINKING SKILLS (HOTS) IN IBADAH OF ISLAMIC EDUCATION KSSM***

RAPI'AH JUSOH<sup>1</sup>, NAJIHAH ABD WAHID<sup>1</sup> & HUDA AFIQAH HASHIM<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin

Corresponding authors: adamintiaz1972@gmail.com, anajihah@unisza.edu.my & haqifa24@gmail.com

*Received: 05 April 2022*

*Accepted: 27 May 2022*

*Published: 30 June 2022*

**Abstrak:** Pendidikan Islam adalah satu proses untuk melatih, mendidik dan mengembangkan potensi jasmani, rohani, akal dan hati manusia bagi melahirkan insan yang beriman, bertakwa, berbudi pekerti yang mulia, berilmu pengetahuan, mempunyai fizikal yang sihat dan berkemahiran dalam kehidupan bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam Pendidikan Islam (PI) Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) merupakan alat untuk membantu pelajar mencapai matlamat tersebut. Namun, penguasaan KBAT di kalangan pelajar termasuk pelajar muslim berada di tahap rendah dan minimum serta tidak dapat berfikir kritis disebabkan kurangnya pengetahuan dalam KBAT. Kertas kerja ini bertujuan menganalisis pemikiran aras tinggi dalam Islam dan penerapan KBAT dalam bidang Ibadat Pendidikan Islam (PI) Kurikulum Standard Sekolah Menengah KSSM). Kertas kerja ini menggunakan analisis dokumen dengan meneliti secara sistematik kajian literatur, ayat-ayat al-Quran dan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) bidang Ibadat PI KSSM. Kesimpulannya, elemen KBAT perlu dibudayakan dalam pendidikan Islam khususnya bidang Ibadat agar murid mampu mengaplikasikan ilmu, prinsip dan ajaran Islam yang dipelajari dalam realiti kehidupan. Kecekapan memilih tindakan yang tepat berdasarkan ilmu akan melahirkan murid berfikir dan berakhlak mulia. Sebaliknya, kelemahan dalam pendekatan ini akan menyebabkan ajaran Islam kekal sebagai ritual tanpa menjadikan Islam sebagai cara hidup (way of life).

**Kata kunci:** Pendidikan Islam, bidang Ibadat, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), Kurikulum Standard Sekolah Menengah KSSM), Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP)

**Abstract:** Islamic education is a process to train, educate and develop human potentials including physical, spiritual, intellectual and heart to produce students with faith, piety, noble character, knowledgeable, healthy body and skilled in life to achieve a successful life in the world and hereafter. The implementation of higher order thinking skills (HOTS) in Islamic Education (PI) in the Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) is a tool to help students to achieve these goals. However, the level of the mastery of HOTS among the students including muslim students is low and they cannot think critically due to the lack of knowledge in HOTS. This paper aims to analyze higher order thinking in Islam and the application of HOTS in the field of Ibadah of Islamic Education (PI) of KSSM. This paper applies document analysis by systematically examining the study of literature, verses of the Qur'an and the Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) in the field of Ibadah of PI KSSM. In

*conclusion, HOTS elements need to be cultured in Islamic education, especially in the field of Ibadah, so that students are able to apply the knowledge, principles and teachings of Islam learned in their daily life. The ability to choose the right action based on knowledge will produce students with good thinking and morals. On the other hand, the weakness in this approach will cause Islamic teachings remain as rituals instead of making Islam a way of life.*

**Keywords:** *Islamic Education, Ibadah, higher order thinking skills (HOTS), Kurikulum Standard Sekolah Menengah KSSM), Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP)*

**Cite this article:** Rapi'ah Jusoh, Najihah Abd Wahid & Huda Afiqah Hashim. (2022) Tinjauan awal pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam bidang ibadat pendidikan Islam KSSM. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 2(2), p. 458-469.

## PENGENALAN

Pendidikan Islam telah lahir dengan bermulanya penciptaan Nabi Adam AS dan berterusan sehingga perutusan Rasulullah SAW. Pendidikan Islam merupakan satu proses untuk melatih, mendidik dan mengembangkan potensi dua unsur utama kejadian insan iaitu unsur jasad dan unsur roh. Proses ini bertujuan melahirkan insan yang beriman, bertakwa, berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, mempunyai fizikal yang sihat dan berkemahiran serta mampu mendepani apa jua revolusi dalam kehidupan bagi mencapai kebahagiaan hakiki di dunia dan akhirat. Matlamat ini termaktub dalam Falsafah Pendidikan Islam (FPI) yang menyatakan bahawa:

*“Pendidikan Islam ialah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian mulia dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membantu diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.”* (As Syaibani, 1991)

Berdasarkan FPI, ilmu pengetahuan merupakan alat untuk manusia mencapai kebahagiaan hakiki di dunia dan akhirat. FPI menekankan ilmu pengetahuan agar manusia dapat mengenali dirinya dan makrifat Allah SWT serta dapat melaksanakan amanah sebagai hamba dan khalifah-Nya. Penerokaan ilmu dapat dicapai melalui penggunaan akal dan kemahiran berfikir (KB) khususnya pemikiran aras tinggi.

Wan Ali Akbar, Nursafra, & Ab. Halim (2020) menyatakan bahawa keyakinan dan keimanan kepada Allah SWT boleh bertambah dengan percambahan akal seperti ilmu kalam. Akal yang mampu bertafakkur tentang kejadian alam membawa kepada bercambahnya iman kepada Allah SWT. Justeru, akal dan berfikir merupakan perkara yang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan manusia. Proses berfikir akan berlaku selagi mana manusia hidup. Proses berfikir yang sentiasa berlaku akan melahirkan insan berfikirah. Dengan ini, akan lahir masyarakat berfikiran yang suka berfikir dan berfikiran kritis, produktif, berintelektual, berkarisma, optimistik kepada perubahan, bersifat futuristik, bersifat demokratik dan sentiasa mempertahankan akhlak mulia dan nilai sejagat. Bahkan akal merupakan elemen terpenting sekiranya manusia ingin mewujudkan asas pendidikan yang teratur, bersistematik dan memberi impak yang besar kepada manusia (Hamka, 2017).

Seterusnya, proses berfikir melibatkan proses mental seperti penaakulan, penyelesaian masalah, membuat perancangan, membanding beza, mengklasifikasi dan lain-lain. Kecekapan

manusia menggunakan minda melahirkan pelbagai kemahiran berfikir termasuklah kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). KBAT adalah kemampuan berfikir seseorang pelajar untuk mentafsir, menganalisis, mencerakinkan dan mengaplikasikan sesuatu ilmu untuk digunakan bagi menyelesaikan masalah malah mampu menghasilkan sesuatu yang baru dengan maklumat yang diperolehi. Ini menjadikan pelajar mampu meneroka ilmu-ilmu baru bukan sekadar menjadi pengguna ilmu. Tambahan pula, proses memanipulasi ilmu dan idea dalam menyelesaikan masalah membolehkan pelajar menemui pengertian dan pemahaman baru (Anderson, Lorin., Krathwohl, & Airasian, 2001). Begitu juga dalam pendidikan Islam, KBAT akan membantu pelajar memahami dan menghayati ilmu dalam kehidupan. Hikmah pensyariatian setiap ibadat yang diperintahkan Allah SWT, dalil-dalil serta aplikasinya dalam kehidupan dapat disingkapkan melalui pemikiran aras tinggi (Asmawati & Fathiyah, 2012; Wan Mat & Norkhairiah, 2011). Ini kerana penggunaan akal secara optimum mampu menjana keupayaan manusia untuk berfikir, memerhati, menilai, menjana idea dan menterjemah hakikat dan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh Allah SWT melalui nas al-Quran dan al-Hadis

Pendidikan Islam (PI) dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) merupakan mata pelajaran teras dan wajib diajar dan dipelajari oleh murid tingkatan satu hingga tingga lima serta diperuntukan antara waktu PdP yang paling banyak iaitu minima 128 waktu setahun (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Matlamat PI KSSM berhasrat membina dan membentuk murid sebagai hamba dan khalifah Allah SWT yang berilmu, beriman, bertaqwa, beramal soleh, berakhlak mulia dan berketerampilan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Oleh itu, dalam usaha memenuhi matlamat tersebut, pelaksanaan KBAT dijadikan dasar utama dan dimasukkan secara eksplisit dalam dokumen kurikulum PI. Melalui KBAT, pelajar bukan sahaja mengetahui tentang pengetahuan dalam agama Islam bahkan pelajar dapat menelusuri hikmah pensyariatian dalam Islam seterusnya dapat menggunakan ilmu tersebut untuk menrealisasikan tugas khalifah di bumi ini.

## **PENYATAAN MASALAH**

Transformasi kurikulum Pendidikan Islam dalam PPPM 2013-2025 khususnya dalam bidang Ibadat memberi penekanan utama kepada KBAT bagi merealisasikan pelajar yang mempunyai penghayatan agama yang tinggi. Hal ini kerana, KBAT mampu membentuk keseimbangan antara ilmu pengetahuan yang dipelajari dengan unsur nilai dan amalan (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2017) serta meningkatkan pencapaian mereka (Muhammad Talhah, Siti Nur Hadis, Asma nurul 'Aqilah, Aminuddin, & Mohd Aderi, 2019). Kementerian Pendidikan Malaysia (2014c) dan Rosnani (2012) menegaskan bahawa penerapan KBAT mampu melahirkan pelajar yang bukan hanya mampu menghafal fakta dalam PI tetapi mampu mengaplikasikan ilmu pengetahuan, membuat pertimbangan dan penilaian, membuat keputusan dan menghubungkannya dengan kehidupan.

Walaupun bagaimanapun, laporan Global Human Capital Report yang dikeluarkan pada tahun 2017 mengatakan modal insan yang berdaya saing dan mampu berhadapan dengan perubahan ini masih kurang jika dibandingkan dengan populasi dunia (Badhrulhisham, Mat Johar, & A.Rashid, 2019). Sejajar dengan ini, semua pihak terutamanya sistem pendidikan negara perlu melakukan perubahan termasuk dalam pendidikan Islam seiring dengan transformasi digital untuk menyediakan muslim yang kekal berdaya saing di peringkat global.

Di Malaysia, pelbagai masalah dalam penerapan KBAT masih berterusan sehingga kini khususnya melibatkan guru dan murid. Kajian yang dilakukan Mohd Syaubari (2019) dalam Pendidikan Islam dan Nur Hawa Hanis dan Ghazali (2018) dalam Sejarah menunjukkan


bahawa pelaksanaan dan penguasaan KBAT di kalangan guru masih berada di tahap yang kurang memuaskan dengan skor min 3.55 dan 3.28. Mohd Farid dan Nor Hartini (2018) melaporkan bahawa majoriti guru iaitu 62.9% menghadapi masalah dalam pentaksiran KBAT dan majoriti taburan aras soalan dalam ujian masih lagi aras rendah iaitu 81.8%. (Mohd Farid & Nor Hartini, 2018).

Sementara itu, fenomena ini juga melanda guru pendidikan Islam (GPI). Kajian Rosnani et al. (2014) mendapati GPI kurang menerapkan elemen pemikiran kritis dalam PdPc PI disebabkan pengajaran banyak berpusatkan guru. Penglibatan murid hanya berlaku bagi membentangkan isi kandungan yang terdapat dalam buku teks. Murid kurang diberikan ruang untuk berfikir kritis ke arah menghayati ajaran Islam. Mohd Syaubari & Ahmad Yunus (2021), menyatakan masih terdapat GPI mengukur pelaksanaan penilaian bertujuan untuk peperiksaan sahaja bukannya untuk penguasaan ilmu. Hal ini menyebabkan penguasaan KBAT di kalangan pelajar termasuk pelajar muslim berada di tahap rendah dan minimum serta tidak dapat berfikir kritis disebabkan kurangnya pengetahuan dalam KBAT (Chew Bee Gek, 2017). Ini akan melahirkan pelajar yang hanya tahu menghafal fakta dalam pendidikan Islam tetapi gagal mengaplikasikannya dalam kehidupan. Akhirnya pendidikan menjadi bebas nilai dan hanya berorientasikan peperiksaan dan keduniaan semata-mata. Sedangkan, kemenjadian pelajar dalam mata pelajaran PI dapat dilihat dengan penghayatan pelajar terhadap amalan agama dan akhlak serta perlakuannya dalam kehidupan.

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **Definisi Dan Teori KBAT**

KBAT merupakan proses pencarian makna dalam minda murid dengan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dan berdaya kreatif bagi mencerna idea, membuat penaaakulan, menimbangkan keputusan, mencari penyelesaian masalah, membuat refleksi, berinovasi dan mampu mereka cipta (Anderson, Lorin., Krathwohl, & Airasian, 2001; Bloom, 1956; Henk, Rotgans, & Elaine HJ Yew, 2011; Keith.J. & Robert J.Morrison, 2012; Rhoades, Ricketts, & Friedel, 2009). Pemikiran ini menjadikan pelajar mampu berasimilasi dan pintar menyebatkan pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada dengan pengetahuan baru. Bahkan, mampu berinovasi dengan pengetahuan dan kemahiran yang ada sehingga dapar menemui jalan penyelesaian yang baharu (Wan Izyan Izzati & Khadijah, 2021). Justeru, KBAT atau HOTS membantu pelajar untuk membuat analisis dan meningkatkan keupayaan pelajar dalam membuat keputusan. KBAT dalam kajian ini merujuk kepada aras pemikiran Taksonomi Bloom yang disemak semula oleh Anderson dan Krathwohl (2001), iaitu mengapikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Penjenamaan KBAT ini boleh dilihat melalui rajah 1.



Rajah 1: Aras Pemikiran Taksonomi Bloom dan Semakan Anderson

### KBAT Menurut Kacamata Islam

Kitab al-Quran secara serius sentiasa mengulang-ulang ayat-ayat yang mengesa manusia berfikir melalui kalimah-kalimah *tafakkur*, *tadabbur*, *nazar* dan *bassar*. Al-Quran juga memerintahkan manusia sentiasa mencari bukti dan dalil sebagai pengujahan dalam sesuatu perkara. Malah, kandungan al-Quran banyak mengesa agar manusia mengambil pengajaran dalam sesuatu peristiwa atau kejadian. Antaranya ialah ayat al-Quran yang bermaksud;

*“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi dan silih berganti siang dan malam terdapat tanda-tanda bagi orang yang berakal. Iaitu orang-orang yang mengingati Allah SWT sambil berdiri dan duduk atau dalam keadaan baring dan dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi lalu berkata: “wahai tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan semua ini dengan sia-sia” (al-Imran: 3190-191).*

Elemen-elemen ini menunjukkan pemikiran aras tinggi sudah pun wujud dengan penurunan al-Quran. Malah, ayat-ayat al-Quran membuktikan bahawa sesiapa sahaja mampu untuk berfikir aras tinggi selama ia mempunyai pendengaran, penglihatan dan hati. Hadis Rasulullah SAW juga banyak mengajar tentang pemikiran aras tinggi. Contohnya, melalui peristiwa ketika sahabat Rasulullah SAW Muaz bin Jabal ketika ditanya oleh Baginda SAW : " Bagaimanakah engkau akan memutuskan hukum jika ditanya perkara kepadamu ?" Muaz menjawab, "saya akan memutuskan perkara itu sesuai dengan Al-Quran dan Hadis. Sekiranya aku tidak menjumpai, saya akan melakukan ijtihad dengan kemampuanku ". Ijtihad tidak berlaku tanpa proses pemikiran aras tinggi melalui analisis, perbandingan, rumusan dan mengaplikasikan hukum-hukum yang ada dalam al-Quran dan Hadis dengan situasi semasa sehingga berlakunya penemuan hukum kepada masalah.

Sehubungan dengan itu, ramai sarjana Muslim yang memperkatakan tentang pemikiran aras tinggi atau pemikiran kritis di dalam al-Quran. Ada empat asas penting pemikiran aras tinggi berasaskan kajian di dalam al-Quran seperti dalam rajah 2 (Abdul Malik Karim Amrullah (Hamka), 2017; Ibn Jarir al-Tabari, 2009; Mohd Syaubari, 2019; Yusof al-Qardawi, 2004).



Rajah 2: Aras Pemikiran Aras Tinggi Menurut Perspektif al-Quran

Peringkat pertama elemen KBAT yang melibatkan sintesis aktiviti pendengaran, pemerhatian dan merenung. Kalimah-kalimah yang dimaksudkan ialah kalimah (*nazar*), (*ra'a*) dan (*basar*). Gabungan aktiviti-aktiviti ini berupaya untuk merangsang minda individu untuk berfikir aras tinggi. Ini terbukti melalui penggunaan kata-kata tersebut yang kerap diulang dalam al-Quran (Zainorah, 2015). Justeru, sesiapa sahaja mampu untuk berfikir aras tinggi selama ia mempunyai pendengaran, penglihatan dan hati. Seterusnya, peringkat ke dua elemen kritis iaitu proses bagaimana idea yang terhasil pada peringkat pertama diaplikasikan secara kritikal, bermatlamat, pendetailan, berfokus dan mendalam yang berlaku dalam minda individu. Proses ini perlu dilakukan secara sedar, bersungguh-sungguh serta berfokus. Dalam al-Quran kalimah-kalimah yang relevan dengan peringkat ini antaranya seperti kalimah (*wa'yu*), (*qalbun*) dan (*fuad*).

Sementara itu, peringkat ke tiga elemen justifikasi iaitu asas yang dijana di peringkat kedua di perincikan pada peringkat seterusnya, iaitu mengetengahkan kepentingan bersandarkan justifikasi setiap pernyataan, bukti dan dalil yang dinyatakan bagi setiap idea yang dikemukakan. Kalimah-kalimah dalam al-Quran yang berkaitan dengan peringkat ini seperti kalimah (*dalil*) dan (*burhan*). Allah mengajarkan hamba-Nya agar setiap perkara perlu dijustifikasikan dengan bukti dan dalil. Akhir sekali, peringkat ke empat iaitu elemen ibrah yang merupakan peringkat tertinggi di dalam pemikiran aras tinggi (KBAT) yang terkandung dalam al-Quran. Keupayaan individu berupaya mengambil pengajaran, panduan dan pengiktibaran dari fenomena yang difikirkan dan menjadikannya satu tindakan dan amalan dalam kehidupan menunjukkan manusia benar-benar mengoptimalkan akal dan mencapai hakikat insan. Justeru, al-quran memberi keutamaan kepada kalimah (*maui'zah*), (*i'brah*) dan (*misal*). Kalimah-kalimah ini mengesa manusia untuk mengambil peringatan dan pengajaran daripada al-Quran serta diaplikasikan ke dalam seluruh kehidupan (Zainorah, 2015).

### **Pendekatan KBAT Dalam Bidang Ibadat PI KSSM**

Pelaksanaan dasar KBAT dalam PPPM (2013-2025) melalui PI KSSM khususnya bidang Ibadat adalah bermatlamatkan untuk melahirkan pelajar yang menjadikan Islam sebagai cara hidup melalui penghayatan agama dalam kehidupan (Wan Ahmad, Maimun Aqasha, & Md.Isa, 2016). Aspirasi ini selari dengan misi penciptaan manusia dinyatakan dengan jelas melalui firman Allah SWT yang bermaksud;

*“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku” (Surah al-Dharyyat 27: 56).*

Kandungan bidang Ibadat PI Menengah Rendah KSSM berasaskan DSKP meliputi asas-asas Ibadat dalam Islam seperti bersuci, solat, puasa, zakat dan pengurusan jenazah seperti dalam jadual 1. Kajian ini berfokuskan kepada ibadat asas bersuci, solat dan puasa kerana asas ibadat ini perlu dikuasai, diamalkan dan dihayati oleh pelajar sebelum aspek-aspek ibadat lain. Ibadat zakat tidak difokuskan dalam kajian ini kerana ibadat tersebut belum lagi mampu ditunaikan oleh seorang pelajar.

Jadual 1: Modul Bidang Ibadat Menengah Rendah PI KSSM

<b>Tingkatan</b>	<b>Tajuk</b>
<b>Tingkatan 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsep Ibadat dan jenis-jenis hukum</li> <li>• Konsep Taharah (Najis, Istinjak, Wuduk dan Mandi Wajib)</li> <li>• Solat</li> </ul>
<b>Tingkatan 2</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Solat berjemaah</li> <li>• Solat jumaat</li> <li>• Tayammun</li> <li>• Rukhsah solat</li> <li>• Puasa</li> <li>• Solat sunat</li> </ul>
<b>Tingkatan 3</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsep fardu ain dan fardu kifayah</li> <li>• Pengurusan jenazah</li> <li>• Zakat</li> <li>• Solat-solat sunat</li> </ul>

Jika diteliti, modul bidang Ibadat Menengah Rendah KSSM dapat membantu membentuk jati diri pelajar sebagai muslim sejati. Hal ini kerana melalui ibadat khusus seperti solat sama ada yang difardhukan atau yang disunatkan dapat memelihara seseorang dari sifat yang tercela sekiranya dikerjakan dengan konsep yang tepat (al-Quran 29:45). Siti Zaleha et al. (2019), menyatakan pelaksanaan ibadah khusus bagi seorang pelajar muslim adalah lebih menjurus kepada tuntutan dua kalimah syahadah, ibadat bersuci, solat dan puasa. Ibadat zakat dan haji belum lagi relevan dengan seorang pelajar kerana kedua-dua ibadat tersebut berkait dengan syarat-syarat berkemampuan.

Elemen KBAT dalam bidang Ibadat PI KSSM dinyatakan secara eksplisit dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP). Kandungan DSKP yang berkonsepkan KBAT menyediakan beberapa indikator seperti matlamat, objektif PdP, strategi pengajaran, pentaksiran KBAT, pengukuran tahap penguasaan pelajar dan kemahiran yang perlu dicapai oleh pelajar (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti., 2015; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014a). Penyataan KBAT dapat dilihat dalam Standard Pembelajaran (SP) seperti dalam jadual 2.

Jadual 2: Terjemahan Elemen KBAT Dalam DSKP

<b>Bil.</b>	<b>Standard Kandungan</b>	<b>Standard Pembelajaran</b>
1.	4.1 Konsep ibadat dan jenis-jenis hukum dalam Islam	4.1.1 Menghuraikan hubungan kait hukum di atas dengan amalan harian beserta hikmah.  4.1.2 Mengamalkan tuntutan hukum-hukum Islam secara istiqamah.

Berdasarkan jadual 2, elemen KBAT aras mengaplikasi akan berlaku apabila pelajar dapat menghubungkan hukum-hukum dengan amalan seharian serta menyingkapkan hikmah sesuatu ibadat. Manakala, pelajar yang dapat mengamalkan tuntutan hukum-hukum Islam secara beristiqamah dan beradab menunjukkan pelajar dapat mencapai aras pemikiran mencipta dan mencapai hakikat insaniah. Seterusnya, Bahagian Pembangunan Kurikulum (2015) menyatakan bahawa, KBAT dalam bidang Ibadat boleh diaplikasikan melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan pembelajaran berasaskan projek dengan menggunakan alat peta pemikiran dan penyolalan aras tinggi.

#### *Kemahiran menaakul*

Kemahiran ini sangat efektif dalam bidang Ibadat KSSM kerana dapat mengekalkan pelajar daripada mengamalkan taklid buta dalam satu-satu amalan. Pelajar dapat mencari dan membuat kesimpulan tentang sesuatu konsep berdasarkan dalil yang jelas. Natiujahnya, pembelajaran Ibadat bukan hanya mengulangi maksud, rukun atau syarat sah sesuatu ibadat tetapi melibatkan pelajar dalam proses mencari dalil dan hujjah sesuatu hukum bagi melaksanakan sesuatu ibadat dengan lebih yakin.

Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (2012), penaakulan merupakan proses berfikir kritis dengan menggunakan pertimbangan logik bagi memahami sesuatu idea atau maklumat. Ini bermakna, proses menaakul berkait dengan penguasaan ilmu, pengalaman yang ada, kreativiti serta penyelesaian masalah. Justeru, pelajar akan terlibat secara aktif untuk membina pengetahuan dan menyelidik konsep baru dan dapat menguasai pemikiran aras tinggi dalam pembelajaran.

#### *Kaedah pembelajaran inkuiri*

Melalui pembelajaran inkuiri dalam bidang Ibadat, pelajar dapat menganalisis dan menilai isu-isu semasa berdasarkan hukum dan dalil yang dipelajari. Sebagai kesannya, fungsi akal pelajar dapat dioptimumkan sekaligus menolak dapatan kajian yang menyatakan PdP mata pelajaran berasaskan agama bersifat pasif dan tidak menarik (Zawawi, Ab Halim, Nik Mohd Rahimi, & Mohd Alauddin, 2011).

Hal ini kerana, kaedah PdP dalam bidang Ibadat tidak seharusnya terbatas dengan memberi maklumat asas tentang sesuatu Ibadat seperti rukun dan syarat sah semata-mata, malah mampu membangunkan potensi berfikir dan mencari penyelesaian terhadap isu-isu semasa.



### *Kaedah pembelajaran berasaskan penyelesaian masalah*

Kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang mampu merangsang pemikiran aras tinggi pelajar. Edy Suprato et al. (2017) dan Siti Faridah & Hartini (2018) mendapati bahawa PdP berasaskan penyelesaian masalah dapat meningkatkan pemikiran aras tinggi di kalangan pelajar. Contohnya, aktiviti menyelesaikan hukum dan masalah dalam bab bersuci dapat menjana KBAT dalam kalangan pelajar.

### *Kaedah pembelajaran berasaskan projek*

Aktiviti pembelajaran berasaskan projek dalam Pdpc pendidikan Ibadat mampu membawa perubahan positif terhadap kefahaman pelajar melalui konsep kerjasama, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah melalui aplikasi kaedah fiqh untuk mencipta perkara baru mengikut Islam (Mohd Aderi, Normurni, Adibah Hasanah, Absha Atiah, & Hasnan, 2018).

Selain itu, penerapan KBAT dalam PdP boleh dilakukan melalui teknik penyoalan aras tinggi dan menggunakan peta *i-think*. Peta Pemikiran atau *i-Think* merupakan salah satu alat berfikir dalam PAK-21 bagi meningkatkan kemahiran berfikir pelajar. Soalan yang berkaitan konsep seperti membanding beza, beri sebab, cerakinkan, kesan, hubung kaitkan, susun semula, kelaskan dan sebagainya ialah soalan-soalan yang menyamai kata kerja KBAT mengikut aras kemahiran Taksonomi Anderson & Krathwohl (2001). Contohnya, pembelajaran wuduk melalui perkara rukun dan perkara sunat dapat dirangsang pemikiran pelajar melalui peta *i-think*. Melalui rangsangan soalan pemikiran aras tinggi, pelajar dapat menganalisis dan mensintesis perbezaan perkara yang wajib dibuat dan menyelami kebaikan dan hikmah perkara sunat. Akhirnya, pelajar dapat melaksanakan ibadat wuduk dengan penuh teliti dan beradab.

Sebagai contohnya, pemikiran aras tinggi diperlukan untuk memahami hikmah di sebalik setiap amalan dan ibadat yang difardhukan dalam Islam seperti tuntutan *istinsyaq* dan *istinsyar* dalam ibadat wuduk. Pengamalan *istinsyaq* dan *istinsyar* dalam ibadat wuduk dapat memastikan muslim sentiasa dalam keadaan bersih dan terhindar dari virus dan kuman yang terdapat dalam hidung dan saluran pernafasan. Natiujahnya, pelajar dapat mengaitkan konsep ini dengan isu pandemik *Coronavirus@Covid-19* dewasa ini yang boleh berjangkit dan menular melalui cecair dari mulut atau hidung. Akhirnya, pelajar dapat memahami hikmah di sebalik pensyariatian ibadat seterusnya mengamalkan ibadat *istinsyaq* dan *istinsyar* sebagai salah satu langkah pencegahan jangkitan virus. Hal ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud;

“di akhir zaman nanti akan ada banyak wabak dan penyakit melanda manusia di dunia, hanya umatku yang terhindar kerana memelihara wuduknya “ (Riwayat : Thabrani)

Manakala, teknik penyoalan yang berkesan mampu merangsang pemikiran pelajar. Islam juga sangat mengalakkan proses PdP melalui penyoalan seperti ayat dalam surah al-An'Am (6:46) yang berbentuk pertanyaan untuk manusia berfikir tentang dalil-dalil keagungan Allah SWT. Rasulullah SAW turut menggunakan teknik menyoal dalam pendidikan bagi mencetuskan rasa ingin tahu dan menimbulkan daya pemikiran yang tinggi (Sheikh Abdul Fattah, 2011). GPI yang menggunakan soalan aras tinggi dalam pendidikan Ibadat mampu membawa pelajar kepada kefahaman yang jitu seterusnya kepada pengamalan sesuatu ibadat.

## RUMUSAN

Secara keseluruhannya, penulisan ini membincangkan KBAT dalam PI khususnya bidang Ibadat Menengah Rendah KSSM. Penulisan ini membincangkan secara terperinci konsep KBAT, teori dan model, kepentingan serta pendekatan KBAT dalam ibadat PI KSSM. Bidang ibadat yang mengintegrasikan KBAT dalam PdPc dapat membantu pelajar memahami asas-asas ibadat seterusnya membentuk kefahaman asas-asas ibadat yang menyeluruh. Pendidikan Ibadat dari segi tabiinya memerlukan pemikiran aras tinggi bagi merungkaikan hikmah di sebalik ibadat. Hal ini kerana, pelajar bukan sahaja tahu tetapi apa yang lebih penting pelajar dapat menggunakan ilmu yang dipelajari dalam menyelesaikan masalah. Hasil penulisan ini memberi sumbangan dari aspek teori dengan membentangkan pemahaman yang lebih jelas berkaitan KBAT dalam PdPc bidang ibadat PI KSSM. Sumbangan secara praktikal, pengintegrasian KBAT dalam bidang ibadat ini boleh dimanfaatkan oleh guru dan KPM untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja berpengetahuan dan berkemahiran bahkan mempunyai iman yang utuh dan akhlak yang mulia.

## RUJUKAN

- Abdul Malik Karim Amrullah (Hamka). (2017). *Tafsir Al-Azhar*. Kuala Lumpur: PTS Publishing House.
- Anderson, Lorin., Krathwohl, & Airasian, D. &. (2001). *A Taxonomy For Learning, Teaching, And Assessing: A Revision Of Bloom's Taxonomy Of Educational Objectives*. New York: Pearson, Allyn & Bacon.
- As Syaibani, O. al-T. (1991). *Falsafah Pendidikan Islam (Terj.Hassan Langgulung)*. Shah Alam: Pustaka Hisbi.
- Asmawati, S., & Fathiyah, M. F. (2012). Gagasan Pemikiran Falsafah Dalam Pendidikan Islam: Hala Tuju Dan Cabaran. *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(2), 4(2), 57–70.
- Badhrulhisham, A., Mat Johar, M. H., & A.Rashid, T. (2019). Mendepani Cabaran Revolusi Industri 4.0 Dalam Konteks Mahasiswa: Analisis Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Ilmi*, 9, 90–101. Retrieved from <http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JILMI/article/view/620/504>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2012). *Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Rendah*. (Kementerian Pendidikan Malaysia, Ed.).
- Bloom, B. S. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives, Handbook 1: Cognitive Domain*. New York, Longmans.
- Chew Bee Gek. (2017). *Pengetahuan dan pengaplikasian kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan guru Teknik dan Vokasional. Tesis Sarjana(bs)isu/LR*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Edy Suprato, Fahrizal, Priyono, & Basri K. (2017). The Application of Problem-Based Learning Strategy to Increase High Order Thinking Skills of Senior Vocational School Students. *International Education Studies*, 10(6), 123–129. <https://doi.org/10.5539/ies.v10n6p123>
- Henk, G. S. J., Rotgans, I., & Elaine HJ Yew. (2011). The process of problem- based learning: what works and why. *Medical Education*, 45(8), 792–806.
- Ibn Jarir al-Tabari. (2009). *Tafsir Al-Tabari. terj. Fathurrozi & Anshari Taslim*. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. (2015). *Laporan Pemantauan Tahunan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti*.

- Keith, J., H., & Robert J. Morrison. (2012). *The Oxford Handbook of Thinking and Reasoning*. New York: Oxford University Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014a). Kemahiran berfikir aras tinggi: Aplikasi di sekolah. *Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pembangunan Kurikulum*. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014b). Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *KSSM Pendidikan Islam Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Tingkatan 1*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Buku penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)*.
- Mohd Aderi, C. N., Normurni, M., Adibah Hasanah, A. H., Absha Atiah, A. B., & Hasnan, K. (2018). Pelaksanaan kaedah pembelajaran berasaskan projek dalam proses pengajaran dan pembelajaran kaedah Fiqh. *Al-Hikmah*, 10(1), 148–162.
- Mohd Farid, M. S., & Nor Hartini, S. (2018). *Laporan kajian keberkesanan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam bagi menghadapi cabaran masa kini*. Kuala Lumpur.
- Mohd Syaubari, (2019). *Pelaksanaan Komposisi Pengajaran Guru Pendidikan Islam Yang Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Bidang Akidah Sekolah Rendah Di Malaysia*. Tesis Phd. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Syaubari, & Ahmad Yunus, (2017). Pelaksanaan Kemahiran berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pendidikan Islam Membentuk Penghayatan Akidah Di Kalangan Pelajar Di Negeri Perak. *Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam 2016*, (November), 143–156.
- Mohd Syaubari, & Ahmad Yunus, K. (2021). Keberkesanan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Menerusi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Di Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah Negeri Perak. *UMRAN International Journal of Islamic and Civilization Studies*, 8(1), 75–86.
- Muhammad Talhah, Siti Nur Hadis, Asma Nurul 'Aqilah, M., Aminuddin, H., & Mohd Aderi, (2019). Predisposition Of Islamic Education Teacher In Implementing Teaching Of Higher Order Thinking Skills (KBAT) At The State Of Selangor. *International Journal of Business, Economics and Law*, 18(6), 52–60.
- Nur Hawa Hanis, A., & Ghazali, D. (2018). Kesediaan guru melaksanakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam pengajaran. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(3), 22–31.
- Rhoades, E. ., Ricketts, J., & Friedel, C. (2009). Cognitive potential: How different are agriculture students? *Journal of Agricultural Education*, 50(2), 43–55.
- Rosnani, H. (2012). Memenuhi aspirasi kemahiran berfikir dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menerusi inkuiri dan pedagogi filosofiyah dalam kalangan guru (asas kb). *KK Seminar MEDC Institusi UIA*.
- Rosnani, H., Suhailah, H., & Juhasni Adila, J. (2014). The Hikmah (Wisdom) Program: A Philosophical inquiry for the teaching of Islamic education in Malaysia. *Sa'eda Buang & Phyllis Ghim-Lian Chew. Muslim Education in the 21st Century*. New York: Routledge, 125–141.
- Sheikh Abdul Fattah, A. G. (2011). *40 Strategi Pendidikan Rasulullah*. Kuala Lumpur: Pelima Media Sdn. Bhd.
- Siti Faridah, S., & Hartini, J. (2018). Kesan Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Masalah Terhadap Pemikiran Kritis Pelajar Tingkatan Empat Dalam Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan. *Management Research Journal*, 8(1), 175–187.
- Siti Zaleha, S., Rohaya, S., & Siti Nurul Izah, M. (2019). Pengamalan ibadah khusus dan umum pelajar IiTM Johor Kampus Pasir Gudang. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(25), 1–14.

- Wan Ahmad, W. I., Maimun Aqasha, L., & Md. Isa, H. (2016). Kesiediaan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Di Selangor terhadap Penerapan KBAT Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (bs). *Journal of Advanced Research in Applied Sciences and Engineering Technology ISSN*, 3(1), 79–92.
- Wan Ali Akbar, W. A., Nursafra, M. Z., & Ab. Halim, T. (2020). Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pendidikan Islam Mengikut Bidang-bs. *Sains Insani EISSN*, 5(1), 14–21.
- Wan Izyan Izzati, W. J., & Khadijah, A. R. (2021). Pengetahuan Dan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah (bs). *Journal of Educational Research & Indigenous Studies Journal*, 3(1), 185–195.
- Wan Mat, S., & Norkhairiah, H. (2011). Aplikasi Kemahiran Berfikir Dalam Pengajaran Pengetahuan Ugama Islam (bs). *Journal of Applied Research in Education*, 15(1), 43–58.
- Yusof al-Qardawi. (2004). *Al-Quran Berbicara tentang Akal dan Ilmu Pengetahuan*, terj. Al-Kattani et al. (cet. ke-6). Jakarta: Gema Insani.
- Zainorah, K. (2015). *Elemen pemikiran kritis Menurut perspektif Al-Quran : Kajian surah Al-Rum*. Universiti Malaya.
- Zawawi, I., Ab Halim, T., Nik Mohd Rahimi, N. Y., & Mohd Alauddin, O. (2011). Teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa arab di SMKA di Malaysia. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(2), 67–83.